



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG

DEFINISI PREMIS PENGINAPAN

Mana-mana bangunan, termasuk asrama, hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat, rumah pemalaman dan struktur lain sama ada kekal atau sementara, yang dikemukakan oleh tuan punya, pemunya atau pengurusnya, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, sebagai menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur kepada pelancong untuk disewa atau dengan balasan apa-apa bentuk ganjaran yang lain, sama ada makanan atau minuman juga disediakan atau tidak. (Seksyen 2, Akta Industri Pelancongan 1992)[*Akta 482*].

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Pemohon mesti:
 - i. berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); **atau**
 - ii. berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sekiranya adalah Koperasi; **atau**
 - iii. mengemukakan Surat Pengesahan Akaun Milik sekiranya pemohon adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Agensi Kerajaan.
- b) Premis hendaklah mempunyai Lesen Perniagaan Premis Penginapan daripada PBT. Hanya permohonan bagi lesen tetap sahaja akan diproses); **dan**

- c) Pemohon mesti menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur dan struktur lain sama ada kekal atau sementara kepada pelancong bagi tujuan penginapan.

2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Pemohon mestilah mengemukakan salinan-salinan dokumen berikut:
 - i. Salinan e-Info SSM yang terkini (Pembelian e-Info SSM melalui sistem SPIP); **atau**
 - ii. Sijil Pendaftaran Koperasi di bawah SKM; **atau**
 - iii. Surat Pengesahan Akuan Milik perlu dikemukakan bagi pemohon daripada PBT / Agensi Kerajaan.
- b) Salinan Lesen Perniagaan Premis Penginapan daripada PBT; **dan**
- c) Lain-lain dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya Pelancongan bagi tujuan memproses permohonan pendaftaran dari semasa ke semasa.

Nota:

Salinan dokumen yang dikemukakan perlu mendapat pengesahan oleh Penjawat Awam daripada **Kumpulan Pengurusan dan Professional Gred 41** ke atas (selain Pegawai MOTAC) **ATAU** Ketua Kampung / Penghulu **ATAU** Pesuruhjaya Sumpah.

3. TATACARA PERMOHONAN

- a) Melengkapkan maklumat permohonan di dalam **Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP)** melalui laman sesawang www.spip.gov.my.
- b) Semua dokumen seperti yang dinyatakan di para 2 hendaklah dimuat naik ke dalam SPIP.

4. FI YANG PERLU DIBAYAR

- a) Fi memproses sebanyak RM20 dan fi pendaftaran sebanyak RM50 (pembayaran setelah diluluskan).

- b) Pembayaran secara *online* bagi setiap permohonan melalui laman sesawang www.spip.gov.my; **atau**
- c) Pembayaran secara manual dalam bentuk Wang Pos / Deraf Bank / Kiriman Wang sahaja atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**.

5. **SIJIL PENDAFTARAN**

- a) Sijil pendaftaran akan **hanya dikeluarkan** setelah permohonan diluluskan.
- b) Sijil dicetak atas **nama premis dan alamat** seperti di lesen perniagaan. (Penggunaan nama premis dengan menggunakan perkataan 'melancong', 'pelancongan', 'pengembaraan' atau 'pengendali pelancongan' dan seumpamanya seperti yang ditetapkan di dalam Seksyen 13: Akta 482 adalah dilarang).

6. **PERTUKARAN PEMILIK BAHARU PREMIS DAN NAMA PREMIS BAHARU**

- a) Pemohon perlu mengemukakan surat rasmi permohonan pendaftaran semula kepada pihak MOTAC Negeri yang berkenaan apabila berlakunya keadaan seperti berikut:
 - i. Pertukaran pemilik baharu; **atau**
 - ii. Pertukaran nama premis yang masih mengekalkan pemilik asal.
- b) Sijil pendaftaran baharu perlu dikeluarkan semula bagi permohonan ini. Pemohon dikehendaki untuk memulangkan semula sijil pendaftaran lama bagi tujuan pembatalan.
- c) Fi bagi permohonan pendaftaran semula **pertukaran pemilik baharu; atau pertukaran nama premis yang masih mengekalkan pemilik asal** adalah sebanyak RM70 (pembayaran setelah diluluskan).

7. **KEHILANGAN SIJIL PENDAFTARAN**

- a) Pemohon perlu mengemukakan surat rasmi berserta dengan justifikasi bagi tujuan pengeluaran sijil gantian; **dan**

b) Fi penggantian sijil adalah sebanyak RM50.

8. PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN

a) Di peringkat Pejabat MOTAC Negeri :

Tujuh (7) hari bekerja apabila permohonan lengkap, teratur dan sempurna diterima daripada pemohon dan dihantar ke Ibu Pejabat.

b) Di peringkat Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya:

Sijil Pendaftaran dikeluarkan dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** setelah permohonan diterima daripada Pejabat MOTAC Negeri.

9. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **15 Januari 2021**.